

KRISIS HEGEMONI DAN PANIK MORAL:
PEMAPARAN KES MUZIK *BLACK METAL* DALAM
AKHBAR *BERITA HARIAN* DAN *THE STAR*

Oleh

CHEW LU CHEAH

Satu disertasi yang diserahkan untuk
memenuhi sebahagian dari syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sastera (Komunikasi)

PUSAT PENGAJIAN KOMUNIKASI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

MEI 2003

Penghargaan

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan rasa bersyukur kepada Tuhan kerana memberikan kesempatan dan kekuatan kepada saya untuk menyiapkan disertasi ini.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada penyelia saya, Profesor Madya Zaharom Nain atas bantuan bimbingan dan tunjuk ajarnya sepanjang menyiapkan disertasi ini.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga saya di Melaka yang kerap memberikan dorongan serta untuk doa mereka.

Terima kasih untuk segalanya, khas ditujukan bagi Albert.
Disertasi ini tidak akan berjaya disiapkan tanpa kehadiran anda.

Juga untuk rakan serumah-Grace, Rose, Florence, Shirley, Sui Ching, Linda & Ade- Serta rakan kumpulan sel-Peter, Sheila, Steven, Yei Li, Carina, Huey Ling, Dang, Lionel, Sam, Sevon & etc.-

Terima kasih atas doa dan keprihatinan anda semua.

Tidak dilupakan juga, rakan seperjuangan saya, Sally, Winnie, Hsien Hui, Lina, Lai Hoon, Rabiatul, Tengku dan Angie, yang banyak memberikan galakan serta mengadakan perbincangan-perbincangan. Terima kasih.

Semoga Tuhan memberkati kamu semua!

Abstrak

Kajian ini meneliti fenomena muzik *Black Metal* melalui liputannya dalam akhbar *Berita Harian* dan *The Star* untuk bulan Julai dan Ogos 2001, yakni sewaktu isu ini hangat diperbincangkan. Isu ini ditimbulkan dengan tujuan menciptakan panik moral, iaitu fenomena yang dikatakan mengancam 'nilai-nilai masyarakat', rentetan berlakunya krisis hegemoni golongan pemerintah yang berlaku sejak tahun 1997 lagi. Pelaporan akhbar mengenai isu ini dilihat sebagai satu praktis pengukuhan hegemoni politik dan budaya golongan dominan.

Pengkaji menumpukan perhatian kepada cara pemaparan di akhbar berlainan bahasa kerana isu muzik *Black Metal* ini merupakan sebuah isu yang dikaitkan dengan remaja beretnik Melayu dan beragama Islam. Oleh itu, perbandingan dapat dilakukan. Selain itu, pengkaji juga telah melihat kepada perkaitan antara akhbar dan elit pemerintah, dengan melihat cara pemaparan yang melibatkan sumber elit pemerintah.

Hasil kajian mencadangkan bahawa terdapatnya perkaitan rapat antara elit pemerintah dengan akhbar menerusi peratusan ruangan yang diberikan, di mana elit pemerintah didapati menggunakan ruangan itu untuk menekankan cadangan utama bahawa muzik *Black Metal* berunsur negatif.

Abstract

This research looks at the Black Metal music phenomenon through coverage given in *Berita Harian* and *The Star* for the month of July and August 2001; when the issue was widely discussed. This issue was raised in order to create an environment of moral panics – a phenomenon that is said to be threatening the ‘local value’ system – in a period of the hegemonic crisis of the dominant class since 1997. The coverage given to this issue was seen as a practice to regain the political and cultural hegemonic stability of the dominant class.

This research focuses on the way ethnic based newspapers portray Black Metal news because this issue is very much linked with Malay ethnic youth and Islam. This is so that comparison can be done. Besides that, this research also looks at the connection between newspapers and the ruling elites, by looking at the portrayed news that includes the ruling elites.

The results of this study suggests that there’s a close relationship between the ruling elites and newspapers through the high percentage of coverage given, where the ruling elites used this exposure to stress that Black Metal music has negative elements.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan
Abstrak
Abstract
Isi Kandungan

Bab 1: Pendahuluan

1.1 Latar belakang kajian	1
1.2	
1.3 Permasalahan kajian	2
1.4 Tujuan kajian	6
1.5 Persoalan kajian	7
1.6 Kerangka konsep	7
1.5.1 Hegemoni	7
1.5.2 Panik Moral	8
1.5.3 Kaitan antara hegemoni dan panik moral	9
1.7 Skop kajian	10

Bab 2: Hegemoni dan Krisis Hegemoni

2.1 Hegemoni	12
2.1.1 Kebangkitan Nasionalis Melayu	14
2.1.2 Kesedaran Islam	19
2.1.3 Dasar Ekonomi Baru (DEB)	23
2.1.4 Mahathirisme	27
2.1.5 Akhbar di Malaysia	30
2.2 Krisis Hegemoni	35
2.2.1 Krisis Kewangan dan Politik	35
2.2.2 Pilihanraya 1999	38

Bab 3: Panik Moral

3.1 Konsep Panik Moral	41
3.2 Muzik dan Konsep Berkaitan	45
3.2.1 Muzik dan Politik	45
3.2.2 Remaja dan devian	50
3.2.3 Muzik devian dan muzik konvensional	53
3.2.4 Muzik popular dan media massa	58

Bab 4: Metodologi Kajian

4.1 Kaedah kajian	62
4.1.1 Kaedah kuantitatif: Analisis kandungan	63
4.1.2 Kaedah kualitatif : Analisis interpretatif	64
4.2 Kaedah Persampelan	66
4.3 Pemilihan Akhbar	66
4.4 Pemilihan Unit Analisis	67
4.5 Kategori Pengkodan	68

4.6 Takrif Pengendalian	70
4.7 Kaedah Analisis Data	78
4.8 Kesahihan Pengkodan	79
<u>Bab 5: Analisis Data Kajian</u>	81
5.1 Penganalisan data:	82
5.1.1 Jumlah artikel	82
5.1.2 Soalan kajian yang pertama dan kedua	83
5.1.2.1 Perbincangan	91
5.1.3 Soalan kajian yang ketiga	91
5.1.3.1 Perbincangan	98
5.2 Analisis interpretatif	99
5.2.1 Perbincangan	105
<u>Bab 6: Kesimpulan</u>	
6.1 Rumusan kajian	106
6.2 Masalah yang dihadapi	111
6.3 Cadangan kajian masa depan	111

Bibliografi

Lampiran

Lampiran 1: Jadual unit analisis dan kategori

Bab 1: Pendahuluan

1.1 Latar belakang kajian

Menjelang bulan Julai 1997, negara-negara Asia Tenggara telah mengalami krisis ekonomi yang bermula dengan sektor kewangan negara Thai. Sebelum itu, negara-negara serantau ini pernah mengalami kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 8% setahun yang merupakan 'keajaiban Asia'. Ahli-ahli ekonomi mendakwa bahawa 'penjangkitan Asia' akan terus merebak dan seterusnya melemahkan pertumbuhan ekonomi sedunia.

Kesan serta-merta ialah devaluasi matawang negara-negara terbabit, menyebabkan kesukaran perniagaan-perniagaan dan bank-bank untuk membayar balik hutang-hutang luar negara, seperti dalam matawang \$US. Oleh kerana tidak dapat mengumpul kapital kewangan yang mencukupi untuk membantu keadaan ekonomi itu, beberapa kerajaan Asia telah dipaksa untuk menerima bantuan antarabangsa. Negara-negara Indonesia, Thailand dan Korea Selatan telah menerima bantuan pinjaman IMF (*International Monetary Fund*).

Pelbagai penjelasan diberikan oleh pelbagai pihak untuk menjelaskan krisis ekonomi itu. Di Malaysia, ada yang mengatakan bahawa model ekonomi negara yang menunjukkan kaitan kuat antara kerajaan dan perniagaan menyebabkan ahli politik mempunyai peranan dalam membentuk pembangunan sektor swasta, di mana ianya seringkali dikaitkan dengan rasuah, nepotisme dan kronisme.

Bukan itu sahaja, krisis ekonomi itu menyediakan landasan bagi ketegangan politik di Malaysia. Krisis ekonomi itu melihatkan pendirian yang berbeza bagi Mahathir yang memegang jawatan Perdana Menteri dan Anwar yang memegang jawatan Menteri Kewangan pada masa itu mengenai strategi untuk mengatasi krisis. Semasa Kongres UMNO 1998, ucapan oleh pengerusi pemuda UMNO, yang dikatakan pengikut

Anwar, telah membongkarkan gejala rasuah dan kapitalisme kroni dalam kerajaan Mahathir. (Syed, 2000:351)

Pada bulan September 1998, Anwar telah dipecat daripada kerajaan atas tuduhan kesalahan seksual dan dijatuhkan hukuman penjara 6 tahun. Ini menyebabkan satu krisis politik yang serius di kalangan komuniti Melayu-Muslim yang tidak pernah terjadi sebelum ini. Penyokong-penyokong Anwar yakin bahawa beliau telah dianiaya dan mengadakan protes reformasi besar-besaran. Sentimen ini juga telah menjadi salah satu isu perjuangan parti-parti pembangkang, terutamanya PAS dan DAP, semasa pilihanraya 1999. Parti KeADILan, yang dipimpin oleh isteri Anwar, Wan Azizah Ismail telah ditubuhkan pada bulan April 1999. Parti-parti PAS, DAP, KeADILan dan PRM telah bergabung untuk membentuk Barisan Alternatif dalam pilihanraya 1999.

Pilihanraya umum 1999 masih dimenangi oleh BN. Namun, UMNO telah kehilangan banyak undi Melayu kepada PAS. 94 kerusi Parlimen yang dipegang sebelum pembubaran Parlimen telah dikurangkan kepada 72 buah, dan daripada 231 kerusi Dewan Undangan Negeri, hanya tinggal 175 buah. Bagi pengundi bukan Melayu-Muslim pula, kes Anwar seolah-olah tidak menjejaskan jumlah undi mereka kepada BN. Mungkin ini adalah kerana pemulihan ekonomi, keadaan kacau-bilau di negara Indonesia dan gambaran PAS sebagai parti ekstremis Islam menyebabkan mereka terus menyokong BN. (Syed, 2000: 334-335) Ini menunjukkan bahawa wujudnya keretakan keyakinan rakyat, terutamanya rakyat Melayu-Muslim, akibat krisis ekonomi dan politik negara yang telah membawa kepada ketidakpuasan hati sesetengah pihak.

1.2 Permasalahan kajian

Isu muzik *Black Metal* dalam kajian ini dikenalpasti sebagai rentetan daripada krisis-krisis ekonomi dan politik yang melanda negara sejak tahun 1997 lagi, terutamanya yang berkait dengan masyarakat Melayu. Ia juga dilihat sebagai satu usaha untuk

menguuhkan hegemoni dominan pemerintah yang sememangnya telah dicabar dan mengalami keretakan.

Pada awal bulan Julai 2001, negara digemparkan dengan berita di mana remaja, terutamanya remaja Melayu, terlibat dengan kumpulan yang 'anti agama' dan 'anti pembangunan'. Berita itu mula-mula dilaporkan oleh akhbar *Harian Metro* dan *Jejak Metro*. Kemudian, ianya mendapat perhatian Menteri Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman. Menurut beliau, ahli kumpulan itu mengamalkan ajaran devian dan beroperasi secara bawah tanah. Pengikut ajaran itu dikatakan membakar kitab agama dan berkelakuan tidak normal seperti menyembah syaitan, mengecam agama dan menggalakkan seks bebas. Namun, pihak berkuasa tidak dapat mengidentifikasikan orang di sebalik ajaran sesat itu dan tempat operasi mereka dengan alasan bahawa mereka sering menukar lokasi mereka. (*The Star*, 15 & 17 Julai 2001)

Laporan seterusnya pula mendakwa bahawa kumpulan ajaran sesat ini dikesan di negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia. Penyiasatan yang dijalankan menunjukkan bahawa kumpulan itu merekrut remaja yang bermasalah dan dari keluarga miskin dan berpecah-belah di kawasan bandar. Terdapat beberapa orang ahli kumpulan itu dikatakan telah berjaya ditangkap bagi siasatan lanjut. Namun, berita *Black Metal* ini didapati tidak lagi dilaporkan di akhbar-akhbar tempatan selepas bulan Ogos 2001. Kesudahan isu tergepar itu menjadi tanda tanya di kalangan masyarakat. Informasi yang dipaparkan mengenai kumpulan *Black Metal* ini nampaknya agak kabur dan boleh dipersoalkan. Namun, ia telah membawa kepada pelbagai reaksi daripada semua pihak, seperti pihak polis, pendidikan, ulama, orang awam dan sebagainya.

Berita-berita yang dipaparkan sebelum isu muzik *Black Metal* yang berlaku pada bulan Julai dan Ogos 2001, kerap memaparkan berita-berita mengenai golongan pelajar terutamanya remaja Melayu. Antaranya adalah seperti isu kebakaran Dewan Tunku

Canselor UM yang didakwa dilakukan oleh pelajar, kontroversi 2 orang pelajar USM yang memberikan keterangan akhbar mengenai keengganan pihak universiti untuk meluluskan permohonan untuk menyertai sebuah pertandingan debat di Singapura, peristiwa 2 orang pelajar UM dan ITM yang ditangkap bawah ISA, kes-kes peperangan ke atas permainan video haram serta VCD lucah dan sebagainya.

Pada waktu itu juga, Perdana Menteri Dr. Mahathir didapati seringkali menyarankan kepada pelajar-pelajar bahawa kampus merupakan tempat untuk belajar dan bukan untuk berpolitik. Contohnya pada 2 Julai 2001 tema utama akhbar *The Star* berbunyi "*Stick to Studies*". Dr. Mahathir membuat saranan itu selepas sebuah dialog dengan 2,000 pemimpin pelajar Universiti Malaya dua hari selepas Dewan Tunku Canselor terbakar. Pada 7 Julai 2001, pelajar sekali lagi disarankan untuk mengikut undang-undang universiti dan negara yang ditetapkan.

Akhbar-akhbar Melayu rentetan dengan isu *Black Metal* itu ada membincangkan tentang peranan remaja dalam pembangunan negara. Contohnya *Berita Minggu* pada 11 Ogos 2001 yang ditujukan kepada Puteri UMNO, sebuah cabang UMNO yang baru, supaya menerima hakikat bahawa remaja mempunyai peranan utama sebagai ahli UMNO yang baru dan juga sebagai pengundi, di mana 2 milion warga negara bawah umur 30 tahun akan berdaftar sebagai pengundi di pilihanraya yang akan datang. *Berita Minggu* juga melaporkan bahawa krisis ekonomi dan politik di negara yang bermula sekitar tahun 1998 telah menyebabkan remaja mempunyai minat dalam perkembangan politik negara. Oleh itu, Puteri UMNO harus mendapatkan sokongan wanita muda dalam negara tanpa memberi alasan bahawa remaja adalah penentang parti.

Laporan seperti di atas mencadangkan bahawa terdapatnya isu yang lebih mendalam daripada hanya isu *Black Metal* yang melibatkan remaja, terutamanya remaja Melayu-Muslim. Ia juga seolah-olah mencadangkan bahawa akhbar dapat dimanipulasikan oleh golongan pemerintah yang mempunyai kepentingan perniagaan

dalam agensi akhbar tertentu untuk melaporkan berita-berita sensasi seperti *Black Metal* ini pada waktu itu, walhal muzik *Black Metal* telahpun lama bertapak di negara ini.

Namun, menurut Hall et.al. (1973:342), “media tidak mencipta berita dengan sewenang-wenangnya mahupun, hanya memindahkan ideologi kelas pemerintah dalam satu bentuk konspirasi ke dalam pemaparan berita mereka, tetapi media didapati ‘bukan merupakan sumber utama pendefinisian berita sama sekali’.” Apa yang Hall et. al. cuba katakan ialah oleh kerana struktur media yang memerlukan pelaporan berita objektif serta autoritatif daripada sumber-sumber yang diiktiraf, apa yang didapati ialah pelaporan daripada institusi sosial utama, kumpulan berkepentingan dan pakar-pakar tertentu. Maka, dengan cara begini, media telah ‘menghasilkan semula secara simbolik struktur kuasa dalam institusi masyarakat’. (Hall, 1973:341)

Oleh itu, pengkaji ingin meninjau tentang cara pemaparan kes muzik *Black Metal* di akhbar-akhbar berlainan bahasa yang telah dipilih, iaitu akhbar *Berita Harian* dan *The Star*. Ini adalah kerana perbandingan dapat dilakukan supaya perbezaan dan persamaan penampilan dapat dikenalpasti, memandangkan isu muzik *Black Metal* ini kebanyakannya dikatakan melibatkan pelajar Melayu. Selain itu, reaksi daripada pelbagai wakil seperti daripada kumpulan agama, keselamatan, pendidikan dan sebagainya juga dapat dikenalpasti.

Perkaitan media dengan kerajaan dalam isu ini juga dikaji, supaya “penghasilan semula secara simbolik mengenai struktur kuasa oleh pihak akhbar”, seperti yang dicadangkan oleh Hall dll. (1973:341) dapat diteliti. Ini adalah berikutan elit pemerintah mempunyai kelebihan akses dalam pemaparan berita untuk menyatakan pendapat mereka. Oleh itu, kecenderungan nada yang disalurkan oleh elit pemerintah dijangka bertujuan untuk memulihkan pengaruh hegemoni mereka, dalam cubaan mereka untuk mendapatkan konsensus masyarakat supaya corak perhubungan sosial yang bersifat dominasi dan subordinasi boleh terus dihasil dan dihasilkan semula.

1.3 Tujuan kajian

Secara amnya, kajian ini bertujuan untuk mengetahui hubungan antara kuasa politik kerajaan dengan akhbar berlainan bahasa dalam pelaporan isu *Black Metal* sama ada unsur pengaruh wujud ataupun tidak. Selain itu, ia juga meninjau cara pelaporan berita dalam akhbar berbahasa Melayu dan Inggeris yang mempunyai tumpuan pembaca yang berlainan etnik, sama ada corak pelaporan mereka memperbesar-besarkan isu *Black Metal* ataupun tidak. Ini adalah kerana setiap akhbar mempunyai sasaran pembaca sesuatu kumpulan etnik tertentu. Dalam kajian ini juga, pengkaji juga ingin mengetahui sama ada terdapatnya perkaitan antara agensi akhbar dengan kerajaan, melalui cara pemaparan isu *Black Metal* dan melalui komen-komen yang diberikan oleh elit pemerintah.

1.4 Persoalan kajian

1. Bagaimanakah isu muzik *Black Metal* dipaparkan oleh akhbar berbahasa Melayu yang dipilih iaitu Berita Harian?
2. Bagaimanakah isu muzik *Black Metal* dipaparkan oleh akhbar berbahasa Inggeris yang dipilih iaitu *The Star*?
3. Bagaimanakah hubungan antara kerajaan dengan akhbar, menerusi pemaparan isu muzik *Black Metal* ini?

1.5 Kerangka konsep

1.5.1 Krisis Hegemoni

Konsep ini diperkenalkan oleh Gramsci (1973) dalam penulisannya semasa berada di penjara Itali yang kemudiannya dikumpul dan diterjemahkan dalam buku

“Selections from the prison notebooks of Antonio Gramsci oleh Hoare Q. dan Geoffrey, N.S. Beliau mencadangkan bahawa pemerintah dalam sesuatu masyarakat boleh menggunakan autoriti sosial ke atas kelas-kelas subordinat, bukan hanya melalui kemenangan undi, tetapi juga membentuk persetujuan orang ramai kepada autoriti mereka. Dalam kata lain, hegemoni mempunyai dua peranan iaitu untuk mengekalkan dominasi dan untuk membentuk persetujuan kepada dominasi ini. Oleh itu, idea-idea kelas dominan muncul sebagai idea yang rasional dan boleh diterima pakai oleh semua lapisan masyarakat.

Kumpulan subordinat mungkin menunjukkan penentangan ataupun menawarkan alternatif, tetapi semuanya dibincang bersama dalam sebuah konteks budaya yang muncul daripada idea-idea kelas pemerintah. Seringkali juga budaya dan sub budaya kelas-kelas subordinat disesuaikan dengan kelas dominan. Kelas dominanlah yang akan mendefinisikan sempadan sosial melalui penggunaan simbolik sosial yang dikongsi bersama, terutamanya menerusi budaya popular. (Lull, 1995: 32)

Pengaruh hegemoni dikuatkuasakan melalui institusi-institusi tertentu seperti kerajaan, perundangan, sistem pendidikan, media dan sebagainya yang merupakan pengeluar kesedaran, pengetahuan dan makna. Institusi-institusi ini dikatakan adil dan neutral kerana ia mewakili semua orang tanpa mengira kelas, keturunan atau gender. Dalam kata lain, institusi-institusi ini dikuasai oleh kelas dominan yang bukan hanya terdiri daripada kelas dominan, tetapi juga sekutunya dan sub kelas berkaitan yang menganggap kepentingan mereka sama dengan kepentingan kelas dominan.

Walau bagaimanapun, konflik kepentingan yang berterusan antara kelas akan menyebabkan hegemoni kelas dominan tidak akan menjadi mutlak. Seringkali proses perundingan terpaksa dilakukan untuk bertukar kepada konsensus yang lebih teratur untuk memastikan penentangan yang minima daripada kelas subordinat. (Morera, 1990:

162) Apabila ini berlaku, hegemoni kelas dominan terugat dan berlakulah apa yang dikatakan sebagai krisis hegemoni.

1.5.2 Panik Moral

Panik moral merupakan suatu konsep yang diperkenalkan oleh Stanley Cohen dalam bukunya yang bertajuk "*Folk Devils and Moral Panics: The Creation of the Mods and Rockers*" pada tahun 1972. Kajian yang beliau jalankan adalah dengan mengkaji fenomena *Mods* dan *Rockers* yang berlaku pada tahun-tahun 1960-an. Episod berita-berita mengenai kemunculan kumpulan itu di kalangan remaja di Britain pada pertengahan tahun 1960-an telah membawa kepada keresahan di kalangan masyarakat. Lima tahun selepasnya, berita mengenai kumpulan itu telah hilang daripada pengetahuan awam. Yang kekal hanyalah kenangan mereka sebagai '*folk devils*' masa silam, yang dapat dibandingkan dengan peristiwa-peristiwa terkini yang lebih teruk lagi. (Cohen, 1972: 10, 11)

Cohen memperkenalkan konsep panik moral untuk mencirikan reaksi media, orang awam dan agen-agen pengawal sosial kepada tingkahlaku devians remaja. "Kadang-kala, berita-berita itu mungkin nampak agak baru dan aneh; kadang-kala pula, berita-berita itu merupakan sesuatu yang telah lama muncul, tetapi tiba-tiba disensasikan. Kadang-kala, panik itu berlalu dan dilupakan; namun, kadang-kala ia mempunyai kesan-kesan yang lebih serius dan berjangka panjang, yang mungkin membawa perubahan dalam polisi-polisi perundangan dan sosial, ataupun dalam cara bagaimana masyarakat melihat mereka sendiri". (1972:9)

Ini menunjukkan bahawa media merupakan suatu agen yang mencorak realiti dalam pemikiran masyarakat apabila media melaporkan sesuatu yang tidak pernah dialami oleh sesetengah masyarakat. Dengan laporan informasi mengenai kumpulan-kumpulan devians sedemikian bercampur dengan persepsi bahawa nilai-nilai tertentu

haruslah dilindungi, ia mampu meresahkan dan menimbulkan situasi panik di kalangan masyarakat. Dalam kata lain, media juga merupakan agen sosial yang menentukan sempadan moral serta mempengaruhi pihak-pihak tertentu untuk menguatkuasakan sempadan itu.

1.5.3 Kaitan antara krisis hegemoni dan panik moral

Hall dll. dalam buku mereka *Policing the Crisis* (1978) telah mengambil contoh rompakan (*mugging*) pada awal tahun 1970-an di Britain di mana ianya diheboh-hebohkan sehingga mahkamah dan polis diberi kuasa berlebihan untuk menghukum perompak. Menurut Hall dll. (1978: 29), “perkara yang salah dibangkitkan menjadi fokus sensasi; menyembunyi dan menjadikan sebab lain yang lebih dalam suatu misteri.” Hall juga mendakwa bahawa elit pemerintah cuba membentuk hegemoni bagi meyakinkan masyarakat bahawa musuh sebenarnya bukan pada krisis dalaman pemerintahan, tetapi pada penjenayah-penjenayah di luar sana. Ini hanya dapat dicapai dengan bantuan media, yang menghasilkan semula definisi pihak berkuasa secara simbolik (1978:57-58). Media pula melihatnya sebagai peluang untuk melariskan jualan akhbar kerana berita rompakan adalah *newsworthy*.

Walau bagaimanapun, pada pendapat pengkaji, media di Malaysia bukan sahaja bertindak berasaskan logik pasaran, tetapi banyak syarikat terbabit yang menguasai akhbar merupakan ‘rakan baik’ golongan pemerintah. Penyelesaian epidemik atau krisis hanyalah dengan pembentukan masyarakat ‘*law and order*’. Dalam cara ini, media secara tidak langsung membentuk satu ‘budaya kawalan’ yang diperlukan oleh golongan elit dalam waktu krisis dan pada masa yang sama, memenuhi kepentingan mereka sendiri.

Menurut Goode dan Ben-Yehuda, (1994: 124-143) terdapat 3 buah model dalam konsep panik moral iaitu *The Grassroots Model*, *The Elite-engineered Model* dan *Interest-group Model*. *The Elite-engineered Model* dibincangkan bagi menjelaskan

tentang kaitan antara krisis hegemoni dan panik moral. Ia merupakan suatu model yang berasaskan andaian bahawa kumpulan elit cuba membangkit dan mengekalkan keprihatinan, ketakutan dan panik dalam masyarakat atas sesuatu isu yang mereka kenalpasti merupakan isu yang tidak membahayakan masyarakat, di mana golongan elit mempunyai kuasa untuk mendominasi media, menentukan kandungan perundangan serta arah penguatkuasaan undang-undang, dan sebagainya.

1.7 Skop kajian

Kajian meliputi akhbar yang diterbitkan bagi jangka masa dua bulan, iaitu bulan Julai dan Ogos 2001, di mana pelaporan isu *Black Metal* sahaja akan dikaji. Dua buah akhbar tempatan, iaitu *Berita Harian* dan *The Star*, dipilih kerana masing-masing merupakan akhbar yang mempunyai ramai pembaca.

Akhbar berlainan bahasa dipilih kerana isu *Black Metal* merupakan isu yang melibatkan etnik Melayu-Islam dan pengkaji ingin mengkaji pemaparan isu dalam akhbar berbahasa lain supaya dapat menunjukkan perbezaan pelaporan. Namun, kajian ini tidak boleh dikatakan menyeluruh kerana walaupun sampel yang dipilih mewakili akhbar berbahasa Inggeris dan Melayu, pengkaji sedar bahawa kajian masa depan perlu memasukkan sampel daripada akhbar berbahasa lain, terutamanya akhbar berbahasa Cina dan Tamil, memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada penduduk pelbagai etnik.

Selain itu, *Berita Harian* merupakan akhbar di bawah pemilikan UMNO yang mempunyai ramai pembaca etnik Melayu dan bagi *The Star* pula, bawah pemilikan MCA yang mempunyai ramai pembaca golongan pertengahan etnik Cina. Kajian yang pernah dijalankan oleh Zaharom (1991) mencadangkan bahawa pemilikan dan pengawalan media di Malaysia oleh elit pemerintah telah mengakibatkan media cenderung untuk memaparkan imej-imej dan pernyataan-pernyataan yang mengesahkan *order* sosial yang

wujud sekarang. Ini seterusnya mengekalkan hegemoni elit pemerintah, terutamanya semasa berlakunya krisis dalam negara. Di sini, institusi akhbar digunakan untuk mencapai kata sepakat daripada pelbagai pihak mengenai sesuatu isu.

Kajian meliputi jenis pemaparan berbentuk berita, rencana, lidah pengarang, kolum dan surat. Ini adalah untuk melihat reaksi daripada sumber berlainan yang mewakili badan-badan seperti agama, keselamatan, pendidikan dan sebagainya. Oleh itu, tinjauan yang lebih menyeluruh dapat dilakukan.

Bab 2: Hegemoni dan Krisis Hegemoni

Kajian ini menggunakan konsep hegemoni dan krisis hegemoni di konteks Malaysia dalam membincangkan tentang isu muzik *Black Metal*. Perbincangan konsep-konsep ini penting kerana ia menyediakan suatu latar belakang kepada penimbulan isu muzik *Black Metal*, yang dilihat sebagai satu usaha untuk mengukuhkan semula hegemoni pemerintah.

2.1 Hegemoni

Konsep hegemoni mula-mula diperkenalkan dalam penulisan Gramsci yang dikumpul dan diterjemahkan dalam buku "*Selections from the prison notebooks of Antonio Gramsci* oleh Hoare Q. dan Geoffrey, N.S. Konteks penulisannya diambil daripada tahun 1914 hingga 1926 di Itali berkenaan perubahan hubungan antara Negara dan masyarakat semasa zaman monopoli kapitalisme, keadalan semasa Perang Dunia I dan realiti antarabangsa yang dicipta oleh Revolusi Rusia. Gramsci telah menulis teks yang dianggapnya sendiri, tidak lengkap dan masih memerlukan banyak kajian, dalam bentuk pendapat, laporan politik dan dokumen parti semasa berada dalam penjara. (Sassoon, 1980:12) Walaupun begitu, penulisannya telah menarik pengkaji-pengkaji lain untuk meneliti dan seterusnya melanjutkan kajiannya.

Gramsci banyak menggunakan konsep-konsep tertentu dalam penulisannya seperti Negara (*state*) yang dikatakan sebagai sumber kuasa paksaan (*coercive power*) dan masyarakat sivil (*civil society*) sebagai kepimpinan hegemonik. Kedua konsep ini dihubungkan dan dipanggil 'Negara Integral' (*integral state*) iaitu kombinasi hegemoni dilindungi oleh kuasa paksaan. Sebenarnya Gramsci cuba untuk menunjukkan bahawa perhubungan sosial dalam masyarakat sivil adalah perhubungan kuasa sepertimana perhubungan kuasa paksa dalam sebuah Negara. (Bocock, 1986: 28)

Dalam penulisan Gramsci (1971: 245-246), oleh kerana terdapatnya pergolotan antara 'masyarakat sivil' dan 'masyarakat politikal' dalam suatu jangka masa yang spesifik, terdapatnya keperluan untuk mewujudkan pengasingan kuasa antara Eksekutif, Legislatif dan Kehakiman yang merupakan organ hegemoni. Ini menggambarkan suatu ketidakseimbangan antara kelas-kelas yang berbeza kerana masih ada sesetengah orang yang memegang jawatan tinggi dalam negara, berikutan kaitan mereka dengan kelas dominan. Beliau cuba melihat keadaan itu antara 'Agama' (yang mewakili masyarakat sivil) dan 'Negara', di mana 'Negara' cuba memonopoli 'Agama' supaya dapat mengekalkan kuasa sokongan sesetengah daripada mereka yang merupakan sebahagian daripada masyarakat sivil. Di sini, kita boleh melihat konteks di Malaysia di mana kuasa eksekutif melebihi kuasa-kuasa lain dan menggunakan elemen agama Islam untuk mengekalkan sokongan daripada golongan etnik Melayu.

Dengan kata lain, ketidakseimbangan kuasa merupakan asas kepada konsep hegemoni yang menyebabkan sekumpulan sosial mempunyai kuasa atau dominan kepada kumpulan lain dan berkemampuan mengekalkan situasi sebegini. (Lull, 1995: 31) Namun, Gramsci bukanlah tertumpu kepada faktor ekonomi sahaja sebagai faktor penentu yang mempengaruhi persekitaran politik dan budaya sebagaimana yang didakwa oleh Marx. (Bocock, 1986: 21)

Penulisan Gramsci juga, menurut Lull (1995: 32) juga menunjukkan terdapatnya perhatian diberikan terhadap struktur autoriti dan pergantungan dalam persekitaran simbolik yang dikongsi bersama dalam sesuatu komuniti tertentu. Golongan yang berkuasa cenderung menggunakan pengaruh mereka terutamanya menerusi budaya popular dalam media, untuk mendapatkan persetujuan dan sokongan orang ramai, dan seterusnya kekal mendominasi mereka. Dalam keadaan di mana perpaduan nasional popular dibentuk, secara tidak langsung 'kehendak kolektif' juga akan dibentuk. Di Malaysia, Parti Barisan Nasional berjaya memenangi pilihanraya setiap kali kerana di

antara lain, ianya terdiri daripada 3 buah parti yang mewakili 3 kaum terbesar di Malaysia. Ini pula merupakan salah sebuah kelemahan parti pembangkang di mana mereka gagal untuk membentuk perikatan pelbagai etnik untuk menentang BN. (Crouch, 1996:116)

Hegemoni, menurut Gramsci juga didefinisikan sebagai 'kerajaan yang dibina dengan persetujuan ramai (*consent*) yang teratur'. Secara umumnya, ia menunjukkan bahawa terdapatnya kepimpinan intelektual dan moral, yang dapat dikaitkan dengan budaya setempat. Dalam kata lain, orang ramai akan secara bebasnya memilih dalam satu had yang ditentukan oleh kelas pemerintah yang dianggap normal, rasional, tidak boleh dielakkan dan justeru itu, sesuai untuk dipilih pada waktu itu. Dalam "*Prince*", hasil penulisan Machiavelli yang banyak dirujuk oleh Gramsci, beliau tertanya-tanya "sama ada ia adalah lebih baik untuk seorang ketua untuk disayangi ataupun ditakuti. Akhirnya beliau berpendapat ia adalah lebih baik jika ada kedua-duanya, tetapi ia adalah lebih selamat untuk ditakuti, jika hanya satu pilihan sahaja diberikan." (Morera, 1990:164-165)

Namun, proses hegemoni juga dikatakan sentiasa tidak stabil kerana ia selalunya dalam proses perundingan kerana sebaik sahaja masyarakat sivil dibentuk, iaitu wujudnya perpaduan nasional, maka negara harus menukar hubungan itu kepada institusi swasta. Ini adalah kerana ia tidak boleh lagi mendominasi masyarakat dan mengatasi konflik dengan begitu mudah. Potensi untuk konflik mestilah ditukar kepada konsensus yang teratur dan konflik haruslah disekat dengan membenarkan penentangan yang terhad sahaja. Maka, peranan negara sebagai pihak 'berkuasa' yang menggunakan kekerasan berkurangan, tetapi kepentingan ciri-ciri politik dan etika muncul. (Morera, 1990: 162)

2.1.1 Kebangkitan nasionalisme Melayu

Dalam kajian ini, pengkaji telah melihat aspek ke-Melayuan serta konsep-konsep yang berkaitan seperti Bumiputera, Islam, hak-hak istimewa dan sebagainya. Ini

bertujuan untuk meninjau pembentukan hegemoni masyarakat Melayu dalam corak pentadbiran negara, baik dalam bidang politik, ekonomi mahupun sosial.

Pemerintahan kolonial British telah membawakan satu influks kemasukan pendatang Cina dan India ke negeri-negeri Tanah Melayu yang lebih dikenali sebagai Malaysia sekarang bagi memenuhi kekurangan sumber tenaga kerja di perusahaan melombong bijih timah dan perladangan getah.

Selepas kemerdekaan negara, satu perkembangan ekonomi yang pesat telah berlaku di Malaysia. Tetapi apa yang juga nyata ialah muncul mitos bahawa terdapatnya satu situasi perkembangan ketidakseimbangan di antara kumpulan etnik yang berlainan. Etnik Melayu merasakan bahawa ketidakadilan kekal kerana kekayaan negara berada dalam tangan komuniti Cina. Pendumisian ekonomi oleh etnik Cina dilihat sebagai punca kemunduran ekonomi etnik Melayu yang membentuk ketidakseimbangan ekonomi yang seterusnya membawa kepada rusuhan kaum 1969. Komuniti Cina pula mempunyai anggapan bahawa etnik Melayu memegang kepimpinan politik negara, justeru itu mendominasi perkhidmatan awam dan secara umumnya membuat dasar-dasar yang mendiskriminasi etnik Cina. Kepercayaan ini berasal dari strategi pecah dan perintah semasa kolonialisme British, di mana mereka telah membukakan peluang perniagaan kepada golongan elit Cina dan menyediakan peluang pendidikan kepada kelas atasan etnik Melayu, yang kemudiannya bekerja dalam perkhidmatan awam. (Wang, 1992)

Sistem politik telah didominasi oleh golongan elit Melayu sejak pemerintahan British lagi, diwakili melalui parti politik UMNO (*United Malays National Organisation*) yang dibentuk pada tahun 1946 untuk menentang Malayan Union. Menurut Mustafa, (2001:145) akhbar Melayu seperti *Utusan Melayu*, *Majlis* dan *Warta Negara* memainkan peranan penting dalam membangkitkan kesedaran Melayu berkenaan dengan isu itu. Mereka berpandangan bahawa hala tuju negara ini haruslah ditentukan oleh etnik Melayu sendiri yang merupakan penduduk asal, dan apa yang diperjuangkan adalah perjuangan

nasionalis Melayu. Tetapi elit Melayu tidaklah memonopoli semua kuasa kerana mereka mengenal pasti bahawa adalah lebih mudah untuk memerintah masyarakat majmuk Malaysia sekiranya ketua-ketua komuniti bukan Melayu juga diwakili, melalui parti-parti yang ditubuhkan oleh mereka sendiri, iaitu melalui MCA (*Malaysian Chinese Association*) dan MIC (*Malaysian Indian Congress*) dan membentuk Parti Perikatan yang dikenali sebagai BN (Barisan Nasional) sekarang.

Sejak pembentukan UMNO pada tahun 1946 apabila berjaya menentang *Malayan Union* yang dicadangkan oleh British, parti itu telah dikenali untuk memperjuangkan hak orang Melayu. Maka, tidak hairan perlembagaan yang diperjuangkan oleh UMNO menegaskan status istimewa untuk etnik Melayu, antaranya Yang di-Pertuan Agong sebagai pemerintah negara, Islam sebagai agama rasmi negara, Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan penglibatan etnik Melayu dalam perkhidmatan awam yang terjamin. (Crouch, 1992: 27)

Pada permulaan pembentukan Parti Perikatan, ramai yang mempersoalkan tentang kompromi yang dicapai berkenaan sempadan etnik. Terdapat satu ekstrem oleh sesetengah orang Melayu yang mendesak 'Ketuanan Melayu' sebagai ciri utama bentuk politikal negara. Ekstrem yang satu lagi pula oleh bukan Melayu yang mendesak untuk mengadakan 'Malaysia untuk rakyat Malaysia' di mana hak sama rata bagi bahasa, budaya dan agama dipertahankan. (Loh, 2001:23-24) Ini menyebabkan ketegangan etnik wujud pada tahun-tahun 1960-an.

Pada akhir tahun-tahun 1960-an, ketidakpuasan etnik Melayu dengan kerajaan yang didominasi oleh Melayu bertambah dan mereka meminta kerajaan untuk mengambil langkah untuk memperbaiki ekonomi Melayu yang semakin ketinggalan berbanding dengan etnik Cina. Dalam pilihanraya 1969, Barisan Nasional (BN) hanya memenangi 66 daripada 104 kerusi berbanding dengan 39 pada tahun 1964. Pada 13 Mei 1969, rusuhan kaum tercetus di Kuala Lumpur sebaik sahaja keputusan pilihanraya diumumkan yang

menyebabkan kematian lebih kurang 200 orang. Pemimpin UMNO percaya bahawa kemerosotan kemenangan parti itu yang membawa kepada rusuhan kaum adalah kerana ia gagal untuk memenuhi keperluan komuniti Melayu. (Crouch, 1996:124-125)

Anggapan yang berupa terlalu simplistik ini dikukuhkan dalam buku 'Dilema Melayu', karya Dr. Mahathir, pada tahun 1970. Beliau dikatakan nasionalis Melayu yang radikal pada masa itu, yang mencadangkan bahawa etnik Melayu sebagai golongan yang 'lemah' berikutan keadaan persekitaran serta sifat yang diwarisi mereka (*heredity*) dan oleh itu memerlukan bantuan. Penyelesaian itu dianggap sebagai justifikasi perlunya melahirkan sebuah kumpulan kapitalis Melayu yang berkemampuan untuk berjaya sendiri setanding dengan etnik-etnik lain. Idea ini juga bertujuan untuk mewujudkan penerimaan daripada golongan bukan Melayu. (Khoo, 1992:59) Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah dilancarkan dengan harapan untuk menyelesaikan masalah itu. Pada tahun 1970-an, UMNO terus menitikberatkan sifat keMelayuannya, yang menyediakan peningkatan dalam peluang-peluang perniagaan, pendidikan dan pekerjaan kepada etnik Melayu dan polisi berkenaan bahasa yang menjadi bahasa pentadbiran serta institusi pengajian medium berbahasa Ingeeris kepada etnik Melayu. (Crouch, 1992: 26)

Berikutan dengan rusuhan kaum itu juga, sistem politik Malaysia mula cenderung kepada bentuk pengawalan autoritarian. Kerajaan menjustifikasikan langkah-langkah autoritarian atas dasar bahawa ianya adalah penting bagi menghindari pengulangan konflik yang berbau perkauman, justeru itu mengukuhkan pengaruh kerajaan. Senjata kerajaan yang paling berkuasa dalam mengawal keadaan ialah ISA (*Internal Security Act*).

Pengawalan mengambil tempat dalam perlembagaan membolehkan kerajaan untuk mengeluarkan Proklamasi Darurat jika sekuriti atau ekonomi persekutuan atau mana-mana bahagian dicabari. Contohnya Darurat diisytiharkan oleh British untuk mengawal pemberontakan komunis pada tahun 1960. (Crouch, 1992:26) Menurut Crouch

juga, (1992:23) di bawah ISA, Menteri Dalam Negeri mempunyai kuasa untuk menahan tanpa perbicaraan sesiapa yang dianggap akan bertindak dalam mana-mana bentuk yang mengugut keselamatan negara. Antara tahun 1960 dan 1981 sahaja, lebih daripada 3000 orang telah ditahan bawah akta itu walaupun kebanyakan daripada mereka telah dilepaskan.

Pilihanraya telah diadakan dalam keadaan di mana kemenangan kerajaan dijamin dan parlimen, parti-parti politik serta media-media mempunyai kapasiti yang sedikit sekali sebagai pengawal kuasa kerajaan. Barisan Nasional bukan sahaja memenangi setiap pilihanraya, ia juga menikmati majoriti 2/3 daripada kerusi yang dipertandingkan yang dapat meluluskan perundangan negara di Parlimen. Menurut Crouch (1992), sebelum tahun 1990, parti-parti pembangkang tidak dapat menjangkau halangan perbezaan perkauman dan membentuk satu persetujuan bersama. Walau bagaimanapun, golongan bukan Melayu ini tetap merupakan golongan minoriti dan jawatan mereka bergantung kepada penerimaan dominasi etnik Melayu serta subordinasi mereka sendiri.

Menurut Jomo (1990:229), dalam lebih dari dua dekad ini (1970-1990), hanya beberapa institusi pelbagai etnik atau bukan berbau keetnikan telah berkembang dan elit-elit politikal terus menggunakan isu-isu sesama etnik untuk mencapai kepentingan mereka. Apa yang jelas kini ialah masyarakat Malaysia telah menjadi semakin terpisah secara etnik dan pemisahan ini sangat nyata dalam kategori bumiputra dan bukan bumiputra. Kesedaran etnik sering dipupuk sedangkan kesedaran kelas yang berbeza dilupakan.

Ringkasnya, kebangkitan nasionalis Melayu telah mencorakkan sistem politik yang wujud sekarang, di mana konsep seperti ketuanan Melayu dan bumiputera telah membentuk hegemoni pemerintah yang berasaskan etnik Melayu.

2.1.2 Kesedaran Islam

Sejak kemerdekaan, Islam telah menjadi agama rasmi negara Malaysia. Namun, Perlembagaan Malaysia ada memastikan wujudnya kebebasan beragama dan pengamalan agama-agama lain. Pada tahun 1970-an, masyarakat Malaysia telah melihatkan 'kebangkitan' Islam seperti juga negara-negara Islam lain. Kebangkitan Islam sedunia ini mungkin diinspirasikan oleh pembangunan antarabangsa seperti kuasa negara-negara pengeluar minyak Islam yang semakin berkuasa dan revolusi Islam di Iran. (Crouch, 1996: 126)

Di Malaysia, kebangkitan Islam lebih dipandu oleh pembangunan yang domestik. Pada masa itu, etnik Melayu sedang mengalami hakisan pada sempadan etnik dan identiti mereka. Etnik Melayu baru sahaja berjaya menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang digunakan oleh semua masyarakat Malaysia. Oleh itu, ia telah kehilangan kapasitinya untuk membentuk suatu simbol eksklusif 'keMelayuan'. Islam mula ditonjolkan sebagai sempadan terakhir perlindungan untuk etnik Melayu. (Mauzy & Milne, 1986: 87,88) Maka wujud permintaan tinggi terhadap pembentukan sistem pendidikan Islam, sistem ekonomi Islam, susunan politik Islam dan sistem perundangan Islam - semuanya bertujuan untuk menjadikan Malaysia negara Islam.

Selain itu, pada ketika itu, terdapat perubahan pada masyarakat Melayu berikutan pengenalan DEB di mana bertambahnya pemuda-pemudi Melayu yang meninggalkan kampung untuk mendapatkan pekerjaan atau pengajian di bandar yang menerima kesan yang paling mendalam ke atas mereka. Ada yang mencadangkan bahawa golongan Melayu ini menggunakan agama sebagai cara untuk menyesuaikan diri mereka dalam persekitaran baru. (Crouch, 1996:126-127) Oleh itu, Islam menjadi lambang identiti Melayu bagi golongan ini yang terpaksa bergaul dengan golongan bukan Melayu buat kali pertamanya. Rusuhan kaum 1969 juga memberikan keyakinan dan keesahan kepada

permintaan-permintaan etnik Melayu yang merasakan bahawa Malaysia mesti mempunyai identiti dan ciri-ciri Melayu-Muslim. (Mauzy & Milne, 1986:88)

Biar apapun sebab bagi kebangkitan Islam di Malaysia pada ketika itu, pemimpin UMNO melihatnya sebagai cabaran utama kepada kedudukan politik mereka. Pada tahun 1971, ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia) ditubuhkan oleh beberapa bekas pelajar PKPIM (Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia) di mana salah seorang pemimpin terkemukanya merupakan Anwar Ibrahim. Mereka mendakwa perjuangan mereka mempunyai ciri ideologikal dan hubungan organisasi dengan pergerakan Islam di negara lain, terutamanya Jamaat Islami di Pakistan dan Ikhwan-ul-Muslimin, yang memperjuangkan penubuhan negara Islam dan menentang sekularisme dan nasionalisme. (Jomo & Ahmad Shabery, 1992:85)

Sebenarnya, pada waktu pembentukan ABIM, PAS (Parti Islam SeMalaysia) telahpun wujud sejak tahun 1951. Ramai daripada pengasas merupakan bekas ahli UMNO bahagian agama, yang keluar dan membentuk parti mereka sendiri. Sesetengah pula merupakan bekas ahli Hisbul Muslimin. (Jomo & Ahmad Shabery, 1992:93). Pada dekad-dekad awal merdeka, PAS lebih merupakan sebuah parti komunal Melayu untuk menentang UMNO. Namun, dasar-dasar pro-Melayu kerajaan telah dengan berkesan melemahkan tuntutan-tuntutan PAS, malah telah memaksa PAS untuk menamatkan peranan pembangkangannya dan menyertai kerajaan pimpinan UMNO pada tahun 1969.

ABIM mengambilalih peranan PAS sebagai pembangkang pada masa itu yang menuntut Islamisasi dan demokratisasi. Pemansuhan perkongsian PAS-UMNO, diikuti dengan kemasukan pemimpin ABIM, Anwar Ibrahim ke dalam kerajaan telah mengembalikan semula peranan utama PAS dalam pembangkangan Islamik. PAS berubah menjadi lebih radikal yang dipengaruhi oleh aliran legalistik-literalist yang mendominasi pemikiran kebangkitan Islam global pada masa itu, yang mencabar

kewibawaan UMNO terutamanya atas platform syariah dan negara Islam. (Syed, 1999:41-42)

Chandra (1987:5) juga mendapati bahawa sejak pertengahan 1970-an, pemimpin politik dalam UMNO juga mula memberikan keutamaan kepada Islam dalam komunikasi mereka dengan segmen Muslim dalam masyarakat Malaysia. Kebanyakan daripadanya beredar mengelilingi dua tema utama iaitu betapa banyak kerajaan telah menyumbang kepada Islam dan betapa merbahayanya ekstremis Islam dalam sebuah negara berbilang bangsa seperti Malaysia. Justeru itu, wujud keperluan untuk menyokong kerajaan yang mempunyai pendekatan yang sederhana dalam Islam.

Era Mahathir melihat perubahan dalam pendekatan Islam, memandangkan kaedah pemaksaan, penapisan dan penggunaan Akta Keselamatan tidak menampakkan kesan yang dingini pada zaman Hussein Onn. Mahathir yang menyatakan kesediaannya untuk mengusahakan peranan yang lebih bagi Islam telah berjaya memujuk Anwar Ibrahim untuk menerima tawarannya untuk menyertai UMNO sejurus sebelum pilihanraya 1982. ABIM berpecah selepas Anwar membuat keputusan itu. Namun, Anwar sendiri menyatakan bahawa beliau tidak akan mengabaikan prinsip Islamik perjuangannya, tetapi akan terus berjuang untuk perubahan dalam kerajaan juga. (Mauzy & Milne, 1986:91)

Sifat Islamik bawah pentadbiran Mahathir juga berubah di mana terdapatnya penekanan kepada simbol-simbol Islam seperti penggunaan terminologi dan ucap salam Islami, pembinaan kompleks-kompleks Islam dan institut-institut pendidikan dan penyelidikan, persidangan-persidangan antarabangsa, program-program Islam di radio dan televisyen dan kursus-kursus untuk masyarakat awam. Program-program yang lebih substantif pula adalah seperti penubuhan Universiti Islam Antarabangsa, sistem perbankan Islam, insurans serta sekuriti Islam, dan sebagainya. (Syed, 1999:24) Ini sekaligus berjaya mendapatkan pengiktirafan daripada negara-negara lain sebagai sebuah

negara Islam, malah parti PAS juga terpaksa menukar strateginya bagi mendapatkan sokongan Melayu.

Terdapat pelbagai kumpulan ekstremis mulai muncul pada dekad 1980-an, daripada yang bersifat penyelewengan doktrin hinggalah kepada kumpulan militan yang mahu menumbangkan kerajaan secara kekerasan seperti kumpulan Al-Arqam. Dari segi politik, kumpulan-kumpulan ini tidaklah signifikan, tetapi pemimpin-pemimpin UMNO mengaitkan mereka dengan PAS. Pada tahun 1986, PAS memberikan tumpuan termasuklah janji untuk memperkenalkan hudud, sebagai alternatif kepada perundangan sekular yang sedia ada. Untuk menarik undi bukan Melayu, PAS telah mengecam nasionalisme Melayu sebagai tidak Islamik dan DEB sebagai satu bentuk *assabiah*. (Syed, 1999:30) Keputusan pilihanraya 1986 mencatatkan prestasi yang paling teruk bagi PAS kerana pendirian yang mengasingkan pengundi Melayu malah tidak juga menarik pengundi bukan Melayu.

PAS sedar akan halangan-halangan yang perlu dihadapi dalam usaha memasarkan demokrasi Islam dan menarik undi bukan Melayu pada masa yang sama. Ramai bukan-Muslim dan Muslim liberal masih melihat PAS sebagai 'ekstremis' dan skeptikal dengan komitmen parti itu terhadap kebebasan peribadi dan prinsip demokratik. Ini ditambah pula dengan penguasaan dan pengawalan media oleh kerajaan dalam menyebarkan propaganda yang menggambarkan PAS sebagai kumpulan fanatik yang tidak sesuai memerintah di negara multi etnik ini. Biarpun UMNO berjaya meneraju kepimpinan negara, namun ia tidak dapat menafikan bahawa terdapatnya sokongan selapisan besar etnik Melayu terhadap PAS.

Di Malaysia, kedua-dua etnik Melayu dan Islam adalah saling berkaitan, di mana, etnik Melayu dikatakan merupakan penganut agama Islam. Menurut Esposito & Voll (1996:127), nasionalis Melayu dan Islam merupakan elemen penting dalam identiti

budaya etnik Melayu merupakan sebuah kuasa ideologikal dan politik yang digunakan untuk mengukuhkan hegemoni pemerintah.

2.1.3 Dasar Ekonomi Baru (DEB)

UMNO telah dibentuk pada tahun 1946 sebagai sebuah gabungan lebih kurang 48 organisasi Melayu untuk menentang pembentukan *Malayan Union* yang dicadangkan oleh British. Ianya berbeza daripada MCA dan MIC, di mana ahli-ahlinya bukan merupakan peniaga kaya yang mempunyai kepentingan dalam parti politik; tetapi guru, pegawai polis dan sebagainya yang memperjuangkan nasionalisme Melayu. Oleh itu, ia seringkali mengalami kesukaran untuk menaja aktiviti-aktivitinya. (Gomez, 1990:1-2) Pemimpin UMNO juga sedar bahawa adalah sukar untuk memimpin negara bernulti etnik tanpa sokongan daripada etnik-etnik lain.

Pemimpin MCA juga ingin mendapatkan naungan daripada UMNO yang boleh menjanjikan kemenangan pilihanraya di kawasan-kawasan 'Melayu'. Sebenarnya, kedua-dua parti juga sedar bahawa British hanya akan memberikan kemerdekaan jika terdapatnya perikatan inter etnik dalam kerajaan baru mereka. Oleh itu, dalam pilihanraya Perbandaran Kuala Lumpur 1952, UMNO telah bergabung dengan MCA, yang menjanjikan kemenangan yang hebat. Menurut Gomez, (1990:3) gabungan perikatan itu yang disertai oleh MIC tidak lama kemudian, jelas sekali dibentuk untuk kepentingan parti masing-masing dan bukan kerana terdapatnya persamaan dalam kepercayaan ideologikal mereka.

Etnik Melayu sebenarnya risau akan keadaan ekonomi mereka sejak sebelum merdeka lagi. Ini jelas, berikutan pada tahun 1953, RIDA (*Rural and Industrial Development Authority*) telah ditubuhkan selepas Datuk Onn Jaffar meminta pihak British untuk mengambil tindakan untuk memperbaiki pembangunan ekonomi di kalangan populasi Melayu kampung. Pada tahun 1965 dan 1968, Kongress Bumiputra

pertama dan kedua telah diadakan untuk mengorganisasikan semula sistem ekonomi negara di mana kerajaan akan menyertai secara lebih aktif dalam pengumpulan kapital bagi pihak orang Melayu. Berhubungan dengan itu, MARA (Majlis Amanah Rakyat) dan Bank Bumiputra telah ditubuhkan. (Jomo, 1992: 470)

Komuniti asing dan bukan Melayu pada masa itu tidak menunjukkan reaksi yang hebat kerana mereka tidak terjejas walaupun mereka tidak begitu puas hati dengan bantuan-bantuan yang diterima oleh etnik Melayu. Namun dengan usaha yang meningkat bagi kerajaan, kedudukan ekonomi orang Melayu masih tidak menunjukkan kemajuan yang banyak dalam sektor korporat. Menjelang tahun 1969, pemilikan etnik Melayu dalam sektor korporat hanyalah 2.4% sahaja. (Gomez, 1990:5) Dalam pilihanraya 1969, Parti Perikatan banyak kehilangan undi kepada parti pembangkang, lebih kurang setengah daripada etnik Melayu dan 2/3 daripada bukan Melayu., masing-masing mahu mempertahankan kepentingan etnik sendiri.

Rusuhan kaum tercetus pada 13 Mei 1969 apabila keputusan pilihanraya diumumkan. Darurat dijalankan untuk dua tahun. Sebuah akta diluluskan di mana adalah satu kesalahan untuk mempersoalkan peruntukan-peruntukan sensitif dalam perlembagaan. Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah diperkenalkan pada tahun 1972, iaitu satu pelan yang membawa faedah kepada komuniti Melayu atas penyisihan komuniti bukan Melayu yang dijangka akan meningkatkan polarisasi kaum pada jangka masa yang singkat. Ia bertujuan untuk memperbaiki perhubungan antara etnik melalui dua objektifnya yang utama iaitu mengurangkan dan seterusnya menghapuskan kemiskinan dengan meningkatkan kadar pendapatan semua rakyat Malaysia, tidak mengira etnik; serta mempercepatkan proses menstrukturkan semula masyarakat Malaysia untuk membetulkan ketidakseimbangan ekonomi bagi mengurangkan dan seterusnya menghapuskan identiti etnik mengikut fungsi ekonomi tertentu. DEB juga mencadangkan